



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Masalah Kejahatan dalam Wacana Ateisme: Analisis Pendekatan NGO Islam di Malaysia

The Problem of Evil in Atheistic Discourse: An Analysis of the Approaches of Islamic NGOs in Malaysia

Nurhanisah Senin^{1,*}, Marina Munira Abdul Mutalib¹, Wan Fazrul Azdi Wan Razali¹, Mustafa Kamal Amat Misra¹, Nazneen Ismail², Mohd Hamidi Ismail¹, Siti Dayana Nu'man Zainudin¹

¹ Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

² Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 31 December 2025

Received in revised form 23 February 2026

Accepted 30 April 2026

Available online 18 May 2026

ABSTRACT

Masalah kejahatan merupakan antara hujah utama dalam wacana ateisme yang mempersoalkan kewujudan dan keadilan Tuhan. Persoalan kejahatan, penderitaan dan ketidakadilan yang berlaku di dunia digunakan oleh individu ateis untuk menolak kewujudan Tuhan sekaligus mencabar kefahaman dan penghayatan agama dalam kalangan masyarakat beragama. Artikel ini bertujuan menganalisis pendekatan NGO Islam di Malaysia dalam menangani hujah masalah kejahatan dalam wacana ateisme. Menggunakan analisis kualitatif terhadap hasil temu bual serta artikel berkaitan, kajian ini mendapati pendekatan NGO Islam bersifat komprehensif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa NGO Islam menggunakan strategi holistik yang menggabungkan pendekatan psikologi dan emosi, logik dan intelektual serta naqli dan tekstual. Dari aspek psikologi, NGO Islam menumpukan kepada sokongan emosi dan empati terhadap individu skeptikal. Manakala dari sudut logik dan intelektual, teknik seperti *cognitive reframing*, *reductionist thinking*, hujah saintifik dan retorik kritikal digunakan untuk membimbing individu menilai persoalan secara rasional. Pendekatan naqli dan tekstual pula menekankan penggunaan al-Qur'an, hadis dan konsistensi teks, disertai dengan konsep tarhib bagi menegaskan keadilan Tuhan. Kajian ini menunjukkan bahawa integrasi antara aspek psikospiritual, logik, dan teks agama dapat menjadikan dakwah lebih berkesan dalam membina pemahaman agama yang holistik, sekaligus menyediakan strategi berkesan untuk menangani wacana ateisme kontemporari.

The problem of evil is one of the central arguments in atheistic discourse that questions the existence and justice of God. Issues related to evil, suffering, and

* Corresponding author.

E-mail address: nurhanisah.senin@usim.edu.my

<https://doi.org/10.37934/arsbs.43.1.135146>

injustice in the world are frequently employed by atheists to deny the existence of God, thereby challenging religious understanding and religious lived experience among believers. This article aims to analyse the approaches adopted by Islamic NGOs in Malaysia in responding to the problem of evil within atheistic discourse. Using qualitative analysis of interview data and relevant articles, the study finds that the approaches employed by Islamic NGOs are comprehensive and integrated. The findings indicate that Islamic NGOs adopt a holistic strategy that combines psychological and emotional approaches, logical and intellectual reasoning, as well as naqli (revealed) and textual methods. From a psychological perspective, Islamic NGOs emphasise emotional support and empathy towards sceptical individuals. From a logical and intellectual standpoint, techniques such as cognitive reframing, reductionist thinking, scientific arguments, and critical rhetoric are utilised to guide individuals in evaluating the issue rationally. Meanwhile, the naqli and textual approach highlights the use of the Qur'an, Hadith, and textual consistency, complemented by the concept of tarhib to emphasise divine justice. Overall, this study demonstrates that the integration of psychospiritual, logical, and scriptural dimensions enhances the effectiveness of da'wah in fostering a holistic religious understanding, while also providing an effective strategy for addressing contemporary atheistic discourse.

Keywords:

Masalah kejahatan; ateisme; pendekatan; NGO Islam
Problem of evil; atheism; approach; Islamic NGO

1. Pendahuluan

Wacana ateisme kontemporer merupakan fenomena global yang semakin mendapat perhatian sejak awal abad ke-21, khususnya dengan kemunculan gerakan New Atheism yang menampilkan kritikan terbuka dan agresif terhadap agama sebagai suatu sistem kepercayaan yang dianggap tidak rasional, tidak saintifik dan menjadi punca kepada konflik serta penderitaan manusia [12]. Perkembangan pesat sains moden, kemajuan teknologi maklumat, serta kebebasan wacana dalam ruang digital telah memperluas penyebaran idea ateisme merentas sempadan geografi dan budaya. Di peringkat global, hujah-hujah ateisme sering dibingkaikan dalam bentuk analisis falsafah, naratif kemanusiaan dan kritik moral terhadap konsep ketuhanan. Dalam konteks Malaysia, meskipun ateisme tidak berkembang secara terbuka sebagai gerakan sosial arus perdana, pengaruh wacana ateisme tetap dapat dikesan melalui media sosial, forum dalam talian, karya terjemahan serta perbincangan akademik yang mempengaruhi cara sebahagian individu, khususnya golongan terpelajar dan generasi muda, memahami agama dan kepercayaan. Kajian menunjukkan kumpulan-kumpulan ateis Melayu semakin aktif mempromosi agenda ateis melalui laman sosial *facebook* seperti Warung Atheist, *Malaysian Atheist Confessions*, *The Malay Atheist* dan laman sosial yang lain yang membawa pemikiran menolak Tuhan dan agama [15].

Antara hujah teras yang konsisten digunakan dalam wacana ateisme kontemporer ialah masalah kejahatan (*problem of evil*), iaitu persoalan fundamental tentang bagaimana kewujudan kejahatan moral, penderitaan manusia dan bencana alam dapat dijelaskan sekiranya Tuhan digambarkan sebagai Maha Berkuasa, Maha Mengetahui dan Maha Baik [8]. Hujah ini sering dimanifestasikan dalam bentuk persoalan emosional dan eksistensial seperti penderitaan kanak-kanak, ketidakadilan sosial, peperangan serta bencana alam berskala besar [19]. Dalam banyak perbincangan ateis, masalah kejahatan bukan sekadar hujah logik terhadap agama, tetapi turut berfungsi sebagai naratif psikologi yang menimbulkan rasa marah, kecewa dan hilang kepercayaan terhadap agama [23]. Keadaan ini menjadikan isu masalah kejahatan bukan sahaja bersifat intelektual, malah menyentuh dimensi emosi dan spiritual manusia [16]. Persoalan kejahatan telah ditekankan secara jelas oleh golongan ateis dalam menolak kewujudan Tuhan termasuk golongan ateis di Malaysia [22]. Abu Yusuf Malizi [1] di dalam penulisan blognya mempersoalkan kezaliman yang berlaku secara terus menerus ke atas penduduk Palestin oleh golongan Zionis sedangkan Allah Maha Berkuasa untuk menghentikan serangan Israel ke atas umat Islam di Palestin.

Dalam konteks masyarakat Muslim, khususnya di Malaysia yang berdepan realiti musibah, bencana alam dan krisis kemanusiaan global, persoalan berkaitan kejahatan dan penderitaan mempunyai implikasi yang besar terhadap kefahaman akidah dan ketahanan iman. Tanpa penjelasan yang berasaskan kerangka teodisi Islam yang kontekstual, wacana ateisme berpotensi menimbulkan kekeliruan, keraguan dan salah faham terhadap konsep keadilan Tuhan, kefahaman terhadap qada' dan qadar, serta hikmah di sebalik ujian kehidupan. Konsep keadilan Tuhan yang turut menjadi perbincangan. Persoalan seperti bagaimana Tuhan yang adil tidak memberikan nasib yang sama dalam kalangan manusia. Persoalan seperti mengapa ada orang susah dan ada orang senang, orang kaya dan orang miskin sering berlegar dalam perbincangan golongan ateis. Seperti yang dinyatakan dalam blog seorang ateis Muslim Malaysia Abu Yusuf Malizi, sekiranya Islam adalah agama yang benar, mengapa Tuhan tidak menciptakan semua manusia dilahirkan sebagai Muslim? Mengapakah Tuhan menciptakan banyak agama? Mengapa orang Islam sahaja yang menerima Islam? Mengapa dalam ajaran Islam, non-Muslim dimasukkan ke dalam neraka selamanya sedangkan mereka melakukan banyak kebaikan dalam kehidupan sedangkan orang Islam walaupun mereka melakukan kejahatan, selepas mereka dihukum dalam neraka mereka akan dimasukkan ke dalam syurga selamanya? [1]. Persoalan-persoalan ini merupakan perbincangan utama dalam kalangan ateis Melayu di Malaysia.

Secara umumnya, antara faktor yang menyebabkan golongan ateis murtad dari agama Islam di Malaysia adalah disebabkan oleh persoalan kejahatan dan keadilan Tuhan [2]. Oleh itu, perbincangan berkaitan masalah kejahatan menjadi amat relevan dalam medan dakwah kontemporari, bukan sahaja sebagai respons terhadap hujah ateis, tetapi juga sebagai usaha pemulihan makna, pengukuhan spiritual dan pembinaan kefahaman agama yang seimbang dalam kalangan masyarakat Muslim.

Sehubungan itu, NGO Islam di Malaysia memainkan peranan yang signifikan sebagai agen respons teologi dan dakwah dalam menangani cabaran wacana ateisme dan isu masalah kejahatan. Melalui pelbagai pendekatan seperti wacana ilmiah, penerbitan bahan pendidikan, ceramah awam, media digital serta bimbingan komuniti, NGO Islam berusaha mengemukakan jawapan yang bersifat rasional, tekstual dan berasaskan hikmah. Pendekatan yang digarap bukan sahaja menekankan hujah intelektual, tetapi turut memberi perhatian kepada aspek emosi, psikologi dan realiti sosio-budaya masyarakat Malaysia yang majmuk. Justeru, analisis terhadap pendekatan NGO Islam dalam menangani masalah kejahatan dalam wacana ateisme bukan sahaja penting untuk menilai keberkesanan strategi dakwah semasa, malah menyumbang kepada perbincangan wacana teodisi Islam yang lebih kontekstual dan relevan dengan cabaran pemikiran kontemporari.

2. Masalah Kejahatan dalam Wacana Ateisme

Persoalan yang sering dibangkitkan oleh golongan ateis ialah bagaimana penganut agama dapat menganggap Tuhan sebagai sempurna sedangkan kewujudan kejahatan di dunia—seperti penyakit, kematian, gempa bumi, kemarau dan pelbagai bentuk penderitaan—jelas dapat diperhatikan. Mereka turut mempersoalkan bagaimana Tuhan yang Maha Baik dan Maha Penyayang boleh menciptakan atau membenarkan kejahatan berlaku [21]. Dalam perbincangan mengenai masalah kejahatan, para pemikir Barat secara umumnya mengklasifikasikan kejahatan kepada tiga bentuk utama.

Pertama ialah kejahatan moral, iaitu kejahatan yang berpunca daripada pilihan dan tingkah laku manusia yang membawa kepada kerosakan atau penderitaan, seperti pembunuhan, kecurian, penipuan dan pelbagai bentuk salah laku lain yang dilakukan secara sengaja. Kejahatan ini lazimnya difahami sebagai kesan kegagalan moral individu atau struktur sosial. Kedua ialah kejahatan alam, yang merujuk kepada penderitaan atau kemusnahan akibat fenomena semula jadi yang tidak

berpunca secara langsung daripada perbuatan manusia, seperti gempa bumi, letusan gunung berapi, banjir, wabak penyakit dan bencana alam lain. Bentuk kejahatan ini sering dikaitkan dengan persoalan tentang peranan Tuhan dalam melindungi manusia daripada penderitaan. Ketiga ialah kejahatan tanpa alasan (*gratuitous evil*), iaitu penderitaan atau kejahatan yang dianggap tidak mempunyai tujuan yang jelas atau tidak membawa kepada kebaikan yang lebih besar. Kejahatan ini dilihat sebagai tidak perlu dan berlebihan, termasuk penderitaan melampau tanpa sebab yang munasabah atau kekejaman terhadap individu yang tidak bersalah [27].

Dalam tradisi falsafah Barat, masalah kejahatan (problem of evil) telah lama menjadi cabaran utama terhadap teisme klasik. Perbincangan awal dapat dikesan seawal hujah Epicurus yang mempersoalkan keselarasan antara kewujudan Tuhan Yang Maha Berkuasa dan Maha Baik dengan realiti kejahatan di dunia. Perbahasan ini dibincangkan dalam kalangan sarjana Barat dengan premis yang beranggapan kewujudan kejahatan sering dilihat bercanggah dengan konsep kesempurnaan Tuhan. Antara tokoh terawal yang mengemukakan hujah ini ialah David Hume [13], yang menggunakan masalah kejahatan untuk mengkritik pandangan teodisi Leibniz [17]. Hume membina satu rangka hujah yang menyatakan bahawa jika Tuhan Maha Berkuasa, Dia mampu menghapuskan kejahatan; jika Tuhan Maha Baik, Dia pasti akan menghalangnya; dan jika Tuhan memiliki kedua-dua sifat tersebut, maka kejahatan tidak sepatutnya wujud, sedangkan realitinya kejahatan tetap berlaku [13]. Walau bagaimanapun, hujah ini tidak bertujuan menafikan kewujudan Tuhan secara mutlak, sebaliknya mempertikaikan keluasan kekuasaan dan kebaikan Tuhan. Justeru, Hume tidak dikategorikan sebagai ateis dalam tradisi pemikiran Kristian kerana hujahnya lebih bersifat menimbulkan keraguan teologis berbanding penolakan total terhadap kewujudan Tuhan [4].

Perdebatan ini kemudiannya dikembangkan secara sistematik dalam falsafah moden melalui pembezaan antara masalah kejahatan logikal dan masalah kejahatan evidensial. Masalah kejahatan logikal, seperti yang diujahkan oleh J. L. Mackie [18], menegaskan bahawa kewujudan Tuhan dengan sifat-sifat sempurna adalah tidak konsisten secara logik dengan kewujudan kejahatan. Manakala masalah kejahatan evidensial, yang dipelopori oleh William Rowe [26], menumpukan kepada kejahatan-kejahatan tertentu yang kelihatan tidak perlu dan tidak membawa sebarang kebaikan yang jelas, lalu dianggap sebagai bukti kuat menentang kewujudan Tuhan. Kritikan-kritikan ini secara umumnya menyasarkan agama yang meyakini Tuhan yang bersifat berkuasa, mengetahui dan maha baik dengan mendakwa bahawa konsep tersebut gagal memberikan penjelasan yang memuaskan terhadap realiti penderitaan dan ketidakadilan yang berlaku dunia [28].

Dalam wacana ateisme kontemporari, khususnya melalui gerakan New Atheism, masalah kejahatan terus dimanfaatkan sebagai hujah utama menentang agama dan kepercayaan kepada Tuhan. Tokoh-tokoh seperti Richard Dawkins, Christopher Hitchens dan Sam Harris bukan sahaja mengemukakan hujah falsafah, tetapi turut membingkai masalah kejahatan dalam bentuk naratif moral dan kemanusiaan yang bersifat emosional.

Darwin [5] berpendapat bahawa kewujudan penderitaan yang meluas, terutamanya di kalangan haiwan, menimbulkan persoalan tentang kebaikan Tuhan yang Maha Kuasa dan Maha Mengetahui, dan hujah ini menjadi salah satu alasan kuat bagi mereka yang mempertikaikan penciptaan Tuhan. Baginya, fenomena penderitaan ini lebih sesuai dijelaskan melalui teori evolusi dan pemilihan semula jadi berbanding perancangan oleh Tuhan yang berperikemanusiaan.

Selain itu, Richard Dawkins, antara tokoh antiteis kontemporari yang terkemuka, turut menggunakan penderitaan haiwan sebagai hujah menentang kewujudan Tuhan. Dalam bukunya *River Out of Eden: A Darwinian View of Life* [6], beliau menyatakan bahawa manusia cenderung berpegang kepada idea perancang atau pereka, namun perancang tersebut seharusnya difahami sebagai seorang ahli falsafah moral dan bukannya seorang ahli ekonomi. Menurutnya, seorang pereka yang baik sudah tentu akan berusaha meminimumkan penderitaan, namun perkara tersebut

jasas tidak berlaku dalam alam semula jadi. Hakikatnya, penderitaan yang dialami oleh haiwan liar adalah begitu dahsyat sehingga sukar untuk direnungi oleh individu yang sensitif.

Fenomena ini turut disokong oleh Anthony Flew [9], yang berhujah bahawa masalah kejahatan sering menjadi titik permulaan kepada keraguan terhadap kewujudan Tuhan, khususnya apabila penderitaan tidak dapat dijelaskan secara rasional atau spiritual dengan memuaskan. Penderitaan kanak-kanak, kejahatan moral seperti pembunuhan dan penindasan, serta bencana alam sering dijadikan contoh untuk menggambarkan kegagalan agama dalam menjelaskan realiti dunia. Dalam kerangka ini, agama bukan sahaja dilihat gagal menjawab persoalan kejahatan, malah dianggap sebagai sebahagian daripada masalah itu sendiri kerana dikatakan mewajarkan penderitaan atas nama ketentuan Tuhan. Pendekatan ini menjadikan masalah kejahatan bukan sekadar isu intelektual, tetapi juga alat retorik yang berkesan untuk melemahkan kepercayaan agama dalam kalangan masyarakat moden.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneroka secara mendalam pendekatan NGO Islam dalam menangani isu masalah kejahatan dalam wacana ateisme di Malaysia. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia sesuai untuk memahami makna, rasional dan strategi yang digunakan oleh aktor dakwah, khususnya dalam isu yang bersifat teologi, falsafah dan kontekstual. Reka bentuk kajian ini membolehkan pengkaji meneliti secara holistik bagaimana NGO Islam meringkaskan hujah, menyusun naratif dan menyesuaikan pendekatan mereka dengan realiti masyarakat semasa.

Kaedah pengumpulan data utama ialah temu bual mendalam (*in-depth interview*) yang dijalankan terhadap tiga orang wakil NGO Islam (NGO-i) yang terlibat secara langsung dalam aktiviti dakwah, pendidikan akidah atau wacana pemikiran kontemporari. Pemilihan responden dibuat secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan kriteria pengalaman, peranan dan penglibatan aktif mereka dalam menangani isu ateisme atau persoalan teodisi. Temu bual separa berstruktur digunakan bagi memberi ruang kepada responden untuk menghuraikan pandangan, pengalaman serta pendekatan yang diamalkan, di samping membolehkan pengkaji mengekalkan fokus kepada objektif kajian.

Selain temu bual, kajian ini turut menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah sokongan bagi meneliti bahan-bahan dakwah yang dihasilkan oleh NGO Islam terpilih. Bahan-bahan tersebut merangkumi modul dakwah, buku, artikel, rakaman ceramah, serta kandungan media digital yang membincangkan isu penderitaan, kejahatan dan keadilan Ilahi. Analisis kandungan dijalankan secara tematik dengan mengenal pasti tema, pola dan kategori utama yang mencerminkan pendekatan teologi dan dakwah NGO Islam terhadap masalah kejahatan. Gabungan temu bual mendalam dan analisis kandungan ini bertujuan meningkatkan ketekalan dapatan (*triangulasi*) serta memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang respons NGO Islam terhadap wacana ateisme kontemporari.

4. Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu pendekatan psikologi dan emosi, pendekatan logik dan intelektual serta pendekatan naqli dan tekstual.

4.1 Pendekatan Psikologi dan Emosi

Berdasarkan analisis terhadap petikan temu bual yang diperoleh, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan psikologi dan emosi merupakan antara pendekatan yang signifikan dalam strategi NGO Islam ketika berinteraksi dengan golongan ateis atau individu yang berhadapan dengan persoalan keagamaan yang bersifat kritikal. Beberapa responden menekankan bahawa fitrah manusia secara semula jadi telah dijadikan untuk percaya kepada Tuhan, tetapi kepercayaan ini boleh terganggu apabila individu menghadapi persoalan yang tidak terjawab atau pengalaman hidup yang membebankan.

Oleh itu, pendekatan NGO adalah dengan membantu menyelesaikan persoalan yang menjadi penghalang kepercayaan mereka dan membimbing mereka kembali kepada kesedaran iman. Dalam proses ini, empati dan sokongan emosi menjadi elemen teras. Golongan yang beremosi tidak mudah menerima hujah logik atau rasional, sebaliknya mereka memerlukan ruang untuk meluahkan perasaan dan mendapat sokongan emosi. Contohnya, dalam menghadapi orang yang emosi, pendakwah lebih banyak mendengar dan membiarkan individu meluahkan perasaan, tanpa terus memberi hujah logik.

kalau dia tengah emotional jangan cakap apa-apa dulu. Kita layan dulu sampai dia mula tenang, dia mula nak mendengar baru saya akan bercakap dengan dia. (R2/MS21/526-529)

So orang yang emotional dia perlukan support emotional dan waktu tu kita tak boleh nak gunakan rational argument ataupun ilmiah dan sebagainya. So waktu tu dia nak a shoulder to cry on. Kadang kita tak perlu bercakap pun, kita bagi dia peluang untuk bercakap. Dan benda ni akan ambil masa mungkin beberapa minggu, boleh ambil masa beberapa tahun. (R2/MS19/481-487)

Menurut responden, dengan memberi perhatian untuk mendengar secara aktif membiarkan individu mengekspresikan perasaan mereka dan menyediakan ruang bagi mengurangkan tekanan psikologi. Strategi ini membolehkan individu merasa difahami, diterima, dan lebih bersedia untuk menerima pandangan atau hujah selanjutnya. Dapatan ini turut menyokong kajian Milman *et al.*, [20] yang mendapati bahawa tekanan emosi dan kemurungan sering berkait dengan kepercayaan teras (core beliefs) yang tergugat, termasuk kepercayaan terhadap Tuhan dan makna kehidupan. Justeru, usaha NGO Islam untuk menyediakan sokongan emosi boleh dilihat sebagai satu bentuk intervensi awal yang membantu menstabilkan emosi individu sebelum membimbing mereka ke arah pembinaan semula kefahaman agama dan keimanan.

Selain itu, penggunaan *reverse psychology* merupakan strategi psikologi penting yang digunakan oleh pendakwah untuk menarik perhatian individu dan merangsang motivasi mereka. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keterlibatan kognitif individu tetapi juga mewujudkan keadaan di mana mereka aktif mencari kebenaran, bukannya sekadar pasif menerima hujah.

saya guna reverse psychology yang menarik diorang untuk dengar jawapan dari situlah mudah untuk kita beri jawapan menggunakan sumber dalil kita bukannya berdasarkan logik. Tapi kalau tak ada yang bersifat reverse psychology yang tak menarik dia untuk mendengar jawapan, mungkin katakan perbincangan biasa sahaja. Dan kita terus jawab, bagi ayat Quran. So mungkin di situ dia akan persoalkan engkau ambil ayat Quran, aku tak percayakan Quran. Reverse psychology itu membantu menjadikan

diorang nak mendengar jawapan kita jadi diorang expect jawapan kita hendaklah guna sumber kita sebab dia excited nak dengar jawapan. (R1/MS2/493-507)

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa NGO Islam menekankan perubahan persepsi daripada individu yang bersikap sebagai mangsa (*victim*) kepada *problem solver*. Melalui bimbingan berperingkat, pendakwah menanam “benih positif” dalam minda individu, membantu mereka melihat persoalan atau cabaran sebagai peluang untuk memahami agama secara lebih mendalam dan meningkatkan keimanan. Pendekatan ini selari dengan kerangka psikologi positif dan teori ketahanan diri, yang menekankan pembinaan makna positif daripada pengalaman penderitaan [24].

When you can overcome all this you will be in the next level. So kita train dia daripada victim kepada problem solver. So kita masukkan benih-benih positif dalam minda dia. (R2/MS19/567-570)

Keseluruhannya, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa pendekatan psikologi dan emosi memainkan peranan yang signifikan dalam strategi NGO Islam ketika berinteraksi dengan golongan ateis atau individu yang berhadapan dengan persoalan keagamaan yang kritikal. Hal ini selari dengan pandangan psikologi agama yang menegaskan bahawa krisis kepercayaan sering kali tidak berpunca daripada kekurangan maklumat intelektual semata-mata, tetapi lebih berkait dengan pengalaman emosi, tekanan psikologi, dan kegagalan individu untuk membina makna terhadap peristiwa hidup yang mencabar [24].

4.2 Pendekatan Logik dan Intelektual

Berdasarkan temubual, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan logik dan intelektual memainkan peranan penting dalam strategi NGO Islam ketika berhadapan dengan golongan ateis atau individu yang diuji dengan persoalan kritikal. Salah satu strategi utama yang digunakan ialah *cognitive reframing* iaitu menstruktur semula persepsi individu terhadap persoalan kritikal yang dihadapi oleh ateis. Pendakwah akan menumpukan kepada soalan utama atau pemberat yang menyebabkan keraguan terhadap Tuhan sebelum membawa hujah logik, saintifik atau falsafah.

So apa kita boleh buat, settlekan dulu pemberat yakni soalan punca utama dia, fitrah dah naik masa tu baru kita nak masukkan hujah logic, hujah sains, hujah falsafah dan sebagainya, silakan. Masa tu lah masanya bukan mula mula tu kita masukkan hujah logic, sains dan sebagainya. Sebaliknya kita kena settlekan persoalan punca utama yang boleh membawa fitrah naik semula kemudian masukkanlah hujah hujah lain. (R1/MS9/182-188).

Selain itu, pendekatan reductionist juga digunakan untuk memecahkan persoalan kompleks kepada kategori lebih kecil supaya dapat dianalisis secara sistematik dan objektif. Sebagai contoh, sebelum membincangkan keadilan Tuhan, pendakwah menekankan definisi keadilan itu sendiri dan membezakan hak-hak yang wajar bagi mengelakkan kekeliruan logik.

untuk kita berkata tentang keadilan Tuhan kita tak mahu kata Tuhan. Kita keluarkan perkataan Tuhan dulu eh kita guna perkataan keadilan. Untuk kita berkata tentang keadilan kita mesti ada sesuatu yang meletakkan apa itu keadilan (R3/MS2/654-657) kita akan kata kalau bagi kamu apa Tuhan sebenarnya? Bila kita lihat kategori

dan ciri-ciri Tuhan yang mereka letakkan itu yang mereka sedang tolak ciri ciri Tuhan palsu yang bukannya Allah. (R3/MS2/667-669)

Hujah saintifik dan empirikal turut digarap, dengan menyoal teori evolusi untuk menunjukkan bahawa walaupun evolusi menerangkan asal-usul kehidupan, ia tidak menafikan kewujudan Tuhan.

Awak mengatakan bahawa percaya kepada tidak percaya kepada Tuhan itu adalah saintifik sains membuktikan Tuhan tidak wujud saya kata hujah awak ini jelas menunjukkan bahawa awak baca tak habis sebab apa ada tesis saintifik daripada doktor Justin berrett yang dia telah terbitkan dalam bentuk buku iaitu the born believer okey yang di mana kajian dia menunjukkan bahawa setiap manusia ini dilahirkan percaya kepada Tuhan so you nak cakap secara saintifik you nak empirikal itulah kajian empirikal untuk kamu (R3/MS2/428-436)

go straight to the point evolution theory number one didn't prove that god didn't exist number one evolution theory mainly focuses that every human being evolved from single cell betul itu. Kedua terus soalan saya kepada dia adalah saya reductionist since it is true that evolution theory believe that every human every Living being evil from the first single cell so my question is who created the first single cell? (R3/MS2/470-476)

Pendakwah menggalakkan individu mengkaji hujah mereka sendiri, contohnya dengan menanyakan definisi kesengsaraan dan asasnya, supaya individu dapat menilai logiknya sebelum menerima jawapan dari perspektif Islam.

Dalam konteks tuhan maha pengasih dan penyayang, kenapa ada kesengsaraan? Kita kena tanya apa bagi kamu konsep kesengsaraan. Kedua, darimana kamu dapat definisi itu. Yang ketiga, kenapa definisi begitu. Yang keempat, ada tak dalam quran Allah menjadikan dunia ini adalah eutopia? Mereka kena jawab soalan-soalan ini tanpa skip mana-mana soalan (R3/MS3/126-131).

Strategi penggunaan hujah lawan secara refleksi membolehkan hujah individu digunakan semula untuk menunjukkan kesimpulan logik bahawa hujah mereka sendiri menyokong kewujudan Tuhan. Keseluruhan pendekatan ini menekankan bahawa logik dan intelektual hanya berfungsi dengan baik apabila persepsi individu dipulihkan terlebih dahulu kerana soalan yang tidak terjawab atau persoalan pemberat boleh mencemari logik semula jadi individu. Teknik retorik digunakan untuk menggerakkan individu berfikir secara rasional tanpa berasa terancam, contohnya dengan bertanya kepada individu sama ada hujah mereka konsisten dan objektif, serta mengembalikan hujah mereka sendiri untuk menunjukkan kesimpulan logik. Pendekatan ini sejajar dengan kaedah dialektik yang digunakan dalam tradisi falsafah dan teologi, termasuk dalam wacana teodisi Islam, yang menekankan pendedahan terhadap percanggahan dalaman hujah penolakan Tuhan [27].

"instead of berdebat, argue dengan orang saya lebih suka guna turn the table. Guna argue dia untuk kenakan dia balik. Sebab bila kita guna argument dia, dia tak boleh nak tolak argument dia sendiri sebab argument tu dia yang bawa dan saya kata kalau saya guna argument awak pun, tuhan tetap wujud. Jadi pendekatan-pendekatan ini dengan orang yang rational, sangat membantu. (R2/MS14/318-324)

Dengan gabungan *cognitive reframing*, *reductionist thinking*, hujah saintifik, dan retorik kritikal, pendekatan logik dan intelektual ini membolehkan golongan skeptikal menilai persoalan secara kritikal, membina logik mereka sendiri, dan akhirnya membuka ruang penerimaan terhadap hujah teologi secara rasional.

4.3 Pendekatan Naqli dan Tekstual

Berdasarkan temubual yang dikumpulkan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan naqli dan tekstual menjadi antara elemen utama dalam strategi NGO Islam ketika berdepan dengan golongan ateis atau individu yang diuji dengan persoalan kritikal. Pendakwah menggunakan al-Qur'an dan hadis sebagai sumber utama, tetapi sentiasa menyesuaikan hujah dengan konteks individu, bukan sekadar mengambil pendekatan selamat atau kompromi. Strategi ini menekankan bahawa jawapan yang diberikan perlu konsisten dan logik agar individu skeptikal dapat menerima hujah secara rasional sambil memahami keadilan Tuhan.

pendekatan yang paling tepat adalah mengikut Quran dan sunnah sesuai dengan konteks dia bukannya sekadar memilih pendekatan yang selamat sebab kalau nak ikut pendekatan yang selamat, lebih baik nabi pilih pendekatan yang selamat (dengan tidak menyampaikan kebenaran Islam) tak payah nak menyakitkan hati hati orang Quraisy sehingga dia kena keluar daripada Mekah tempat yang dia sangat cintai dan sangat sayangi. (R3/MS6/794-799)

Pendekatan ini sejajar dengan tradisi metodologi dakwah Nabi Muhammad SAW yang menekankan penyampaian kebenaran walaupun berdepan risiko penolakan sosial, seperti yang tercermin dalam peristiwa hijrah dan penentangan Quraisy terhadap dakwah awal Islam [10]. Penggunaan nas secara kontekstual ini mencerminkan prinsip *hikmah* dalam dakwah, iaitu kebijaksanaan dalam memilih pendekatan tanpa menjejaskan kebenaran mesej. Dalam kerangka epistemologi Islam, wahyu bukan sahaja berfungsi sebagai sumber utama, tetapi juga sebagai rujukan utama yang selari dengan akal [3].

sentiasa je ayat yang kita quote dari Quran, hadis even hujah logik sekalipun kita kena sediakan sekali. senang cerita jawapan kita kena smooth kena betul smooth dan konsisten supaya jawapan kita logik. (R1/MS1/557-563)

Dalam aspek sains dan intelektual, pendakwah mengaitkan ayat-ayat al-Qur'an dengan fenomena saintifik bagi menunjukkan keselarasan antara wahyu dan sains, walaupun individu skeptikal mungkin menyatakan bahawa penemuan sains sudah lama diketahui sejak zaman Yunani.

Sebab kalau kita lihat dalam Quran juga ada yang berkaitan dengan kajian sains yang kita guna mereka akan kata itu telah lama wujud dari zaman Yunani lagi (R2/MS4/360-363)

Pendakwah juga menyediakan modul jawapan berasaskan hadis dan rujukan daripada agama lain, yang kemudian disesuaikan untuk konteks dakwah, bagi memastikan hujah yang diberikan bersifat intertekstual, komprehensif dan boleh dipercayai.

Rujukan saya termasuklah ada yang bagi hadis. (RS1/MS08/828-831)

Selain itu, konsep tarhib atau peringatan juga digunakan secara sistematis berdasarkan ayat Qur'an, contohnya Surah Al-Baqarah ayat 6 dan Surah An-Nisa ayat 115-116, bagi menegaskan keadilan Allah dan akibat dosa syirik. Tarhib ini disampaikan secara berurutan, bermula daripada penyampaian kebenaran, ujian reaksi manusia, bukti kasih sayang Allah, sehingga peringatan terakhir bagi mereka yang degil, menunjukkan penggunaan teks yang berstruktur dan pedagogi yang jelas dalam dakwah.

Lepas itu kita pergi kepada mesej warning dengan Allah susahkan dia daripada melihat kebenaran dan warning yang terakhir kalau degil juga, kunci pintu hati. Then saya tanyakan soalan adakah mesej yang sampai tu adalah kabur ataupun mesej yang jelas? Jawapan dia mesej yang jelas itu ada dalam surah An Nisa ayat 115-116 (R1/MS1/664-685).

Keseluruhan pendekatan naqli dan tekstual ini menekankan bahawa hujah yang bersumber daripada al-Qur'an dan hadis tidak hanya bersifat spiritual, tetapi juga disampaikan dengan konsistensi logik dan rasional, membolehkan individu skeptikal menilai dan menerima kebenaran Islam secara intelektual. Dengan cara ini, dakwah bukan sahaja menekankan kepatuhan kepada nas, tetapi turut membina pemahaman yang kritis dan logik terhadap kebenaran agama di hadapan golongan yang diuji dengan persoalan kritikal.

5. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa NGO Islam di Malaysia menggunakan pendekatan yang holistik dalam menangani persoalan kejahatan dan skeptisisme yang dibangkitkan dalam wacana ateisme. Strategi yang diamalkan menekankan gabungan psikologi, emosi, logik, intelektual, serta pendekatan naqli dan tekstual untuk membantu individu memahami kewujudan Tuhan dan keadilan Ilahi secara menyeluruh. Dari segi psikologi dan emosi, NGO Islam memberi penekanan kepada empati, sokongan emosi, dan pembinaan semula fitrah, di mana individu didengar dan dibimbing secara bertahap sebelum menerima hujah logik dan dalil agama.

Pendekatan logik dan intelektual pula menekankan cognitive reframing, reductionist thinking, hujah saintifik, dan retorik kritikal, bagi membolehkan golongan skeptikal menilai persoalan secara rasional, menguji konsistensi hujah mereka sendiri, dan akhirnya membuka ruang penerimaan terhadap hujah teologi. Sementara itu, pendekatan naqli dan tekstual menekankan rujukan al-Qur'an dan hadis yang konsisten, kontekstual, dan intertekstual, disertai dengan konsep tarhib untuk menegaskan keadilan dan kebenaran Ilahi, sekaligus memastikan jawapan yang diberikan dapat diterima secara intelektual dan spiritual.

Secara keseluruhan, pendekatan NGO Islam bukan sahaja menangani persoalan ateisme dari sudut hujah logik dan saintifik, tetapi turut menitikberatkan aspek psikologi dan emosi individu, menjadikan dakwah lebih berkesan, sistematis, dan berkesan dalam membangkitkan kesedaran, memperbaiki fitrah, dan membina pemahaman keagamaan yang holistik. Kajian ini memberi implikasi penting terhadap pengurusan strategi dakwah, terutamanya dalam konteks masyarakat moden yang kritikal dan skeptikal terhadap persoalan agama, serta membuka ruang untuk kajian lanjut mengenai integrasi pendekatan psikospiritual, logik, dan tekstual dalam usaha dakwah kontemporari.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas pembiayaan geran penyelidikan yang bertajuk "Pendekatan NGO-I dalam Menjawab Perbahasan Teodisi oleh Golongan Ateis. Kod penyelidikan: PPPI/USIM/FKP/USIM/16524.

Rujukan

- [1] Abu Yusuf Malizi. *Kenapa Saya Tinggalkan Islam?*. Dim. <http://abuyusufmalizi.blogspot.com/p/kenapa-aku-tinggal-islam.html>. (2016).
- [2] Ramli, Ahmad F., Muhammad R. Sarifin, Norazlan H. Yaacob, and Siti AM Zin. "Understanding the atheism phenomenon through the lived experiences of Muslims: An overview of Malaysian atheists." *HTS Teologiese Studies/Theological Studies* 78, no. 1 (2022): 7640.
- [3] Al-Ghazālī, Abu Hamid. *Fayṣal al-Tafriqa bayn al-Islām wa al-Zandaqa*. Cairo: Dār al-Ma'ārif. (2000).
- [4] Andre, Shane. "The Problem with the Problem of Evil." *Open Journal of Philosophy* 11 (2021): 336–354.
- [5] Darwin, Charles. *On the Origin of Species*. Cambridge, MA: Harvard University Press. (1964).
- [6] Dawkins, Richard. *River Out of Eden*. New York: Basic Books. (1995).
- [7] Dawkins, Richard. *The Greatest Show on Earth*. New York: Free Press. (2009).
- [8] Elshinawy, M. "Why do people suffer? God's existence & the problem of evil." *Yaqeen Institute for Islamic Research, sl* (2019).
- [9] Flew, Anthony. *There Is a God: How the World's Most Notorious Atheist Changed His Mind*. New York: HarperCollins. (2007).
- [10] Hamka. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: PTS. (2019).
- [11] Hick, John. *An Interpretation of Religion*. New Haven, CT, and London: Yale University Press. (2004).
- [12] Hitchens, Christopher. *God Is Not Great: How Religion Poisons Everything*. New York: Twelve Books. (2007).
- [13] Hume, David. *Dialogues Concerning Natural Religion*, Book X. (1779).
<https://doi.org/10.1093/oseo/instance.00044084>.
- [14] Ibn Warraq. *Why I Am Not a Muslim*. New York: Prometheus Books. (1995).
- [15] Razali, Kauthar, Aman Daima Md Zain, Muhammad Rashidi Wahab, and Norazilawati Abd Wahab. "Fahaman Ateis Melayu Mengenai Islam Dalam Media Sosial: Analisis Kandungan Facebook [Malay Atheists' Thought of Islam Through Social Media: Facebook Content Analysis]." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24, no. 2 (2023): 14-27. <https://doi.org/10.37231/jimk.2023.24.2.794>
- [16] Krok, Dariusz, Beata Zarzycka, and Ewa Telka. "Religiosity, meaning-making and the fear of COVID-19 affecting well-being among late adolescents in Poland: A moderated mediation model." *Journal of religion and health* 60, no. 5 (2021): 3265-3281.
- [17] Leibniz, Gottfried Wilhelm. *Theodicy*. New York: Cosimo. (2009).
- [18] Mackie, J. L. "Evil and Omnipotence." *Mind* 64, no. 254 (1955): 200–212.
- [19] McCloskey, H. J. *God and Evil*. Dordrecht: Martinus Nijhoff. (1974).
- [20] Milman, Evgenia, Sherman A. Lee, Robert A. Neimeyer, Amanda A. Mathis, and Mary C. Jobe. "Modeling pandemic depression and anxiety: The mediational role of core beliefs and meaning making." *Journal of affective disorders reports* 2 (2020): 100023. Mustafa Mahmud. *Hiwar ma'a Sadiqi al-Mulhid*. Cairo: Maktabah Misr. (2013).
- [21] Nurhanisah Senin, Hamidun Mohamad Husin, Nazneen Ismail, Norsaleha Mohd Salleh, and Mustafa Kamal Amat Misra. "Persepsi Golongan Ateis Malaysia terhadap Konsep Keadilan Tuhan." *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 10, no. 74 (2025): 656–672.
- [22] Park, Crystal L. "Making sense of the meaning literature: an integrative review of meaning making and its effects on adjustment to stressful life events." *Psychological bulletin* 136, no. 2 (2010): 257.
- [23] Park, Crystal L., and Erin C. Blake. "Resilience and recovery following disasters: The meaning making model." In *Positive psychological approaches to disaster: Meaning, resilience, and posttraumatic growth*, pp. 9-25. Cham: Springer International Publishing, 2020.
- [24] Peterson, Michael L. *The Problem of Evil, Selected Readings*. Notre Dame, IN: University of Notre Dame Press (2011).0
- [25] Rowe, William L. "The problem of evil and some varieties of atheism." *American Philosophical Quarterly* 16, no. 4 (1979): 335-341.
- [26] Sami al-Amiri. *Mushkilat al-Sharr wa Wujud Allah: al-Radd 'ala Abraz Shubuhat al-Malahidah*. London: Takwin li al-Dirasat wa al-Abhath. (2016).

- [27] Trakakis, Nick. *"The Evidential Problem of Evil."* Internet Encyclopedia of Philosophy (n.d.). Accessed June 1, 2024. <https://iep.utm.edu/evil-evj/>